

29/06/2002

Peluang pengundi beri mesej tolak Pas

ALOR STAR, Jumaat - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib berkata, pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit adalah peluang paling sesuai untuk rakyat menyampaikan mesej bahawa mereka menolak Pas.

Beliau berkata, pada masa sama, pengundi perlu menyampaikan mesej menolak kepimpinan Datuk Seri Hadi Awang yang radikal berbanding Datuk Fadzil Noor yang meninggal dunia pada Ahad lalu.

Katanya, kemenangan Pas secara tidak langsung menyebabkan kawasan itu dipimpin wakil rakyat radikal, berikutan perubahan pucuk pimpinan daripada Fadzil yang lebih sederhana kepada Hadi yang bersifat ekstrim.

Beliau berkata, pengundi perlu menolak calon Pas bagi memastikan kawasan itu khasnya dan negara secara keseluruhan tidak dikuasai Pas yang radikal.

"Pas kepimpinan Hadi adalah Pas yang bersifat radikal, agresif dan tidak seharusnya diberikan kuasa memerintah. Ini berbahaya kepada negara.

"Saya meminta pengundi Pendang dan Anak Bukit menolak calon Pas kerana imej Pas memang teruk kerana menolak konsep masyarakat pelbagai kaum. Malaysia tidak memerlukan kepimpinan seperti itu," katanya selepas mesyuarat jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) negeri, di Bangunan Tunku, di sini hari ini.

Mesyuarat dihadiri pemimpin Umno, MCA, MIC dan parti komponen BN lain bagi menyusun jentera menghadapi pilihan raya kecil itu.

Muhammad yang juga Penyelaras Jawatankuasa Pilihanraya Kecil BN Pendang dan Anak Bukit berkata, kesederhanaan Fadzil ketika memimpin Pas sudah berubah apabila Abdul Hadi memangku tugas Presiden.

Sehubungan itu, katanya, Umno dan parti komponen BN lain akan memberikan penjelasan kepada pengundi mengenai bahaya memilih calon Pas.

Muhammad berkata, hasil kesungguhan jentera pilihan raya BN memberikan penjelasan, beliau yakin BN mampu merampas semula kerusi berkenaan.

Bagi tujuan itu, jentera BN peringkat negeri dan pusat diingatkan bekerja secara berpasukan dengan meletakkan kepentingan parti sebagai paling utama dan mengeneipikan kepentingan peribadi.

"Kemenangan di Anak Bukit amat penting selepas BN tewas pilihan raya kecil Lunas pada November 2000. Ini kerana BN memerlukan penguasaan dua pertiga dalam DUN Kedah. Kita boleh menyusun pelbagai strategi tetapi yang penting adalah jentera yang bekerja. Kita sudah melupakan kekalahan di Lunas," katanya.

Ditanya sama ada rancangan peletakan jawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kematian Fadzil memberi kesan kepada undi simpati, beliau berkata ia sedikit sebanyak memberi kesan.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain pula berkata BN negeri melancarkan 'Ops Ambil Balik' kerana mahu menawan semula kedua-dua kerusi yang dirampas PAS pada pilihan raya umum 1999.

(END)